

SOALAN UJIAN PERTENGAHAN TAHUN SAINS TAHUN 4

Bahagian A

Jawab semua soalan.

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C, dan D. Pilih jawapan yang betul. Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah 30 minit. Sekiranya kamu tidak dapat menjawab sesuatu soalan, teruskan menjawab soalan berikutnya.

1. Rajah 1 menunjukkan keperluan asas manusia.

Antara yang berikut yang manakah X?



Rajah 1

- | | | | |
|---|------------|---|---------------------|
| A | Tanah | C | Tempat perlindungan |
| B | Televisyen | D | Cahaya matahari |

2. Antara berikut, yang manakah laluan udara semasa menarik nafas?

- A Hidung → salur udara → paru-paru
- B Hidung → mulut → paru-paru
- C Mulut → paru-paru → salur udara
- D Mulut → hidung → paru-paru

3. Seorang budak lelaki menarik tangannya dengan segera apabila dia secara tidak sengaja menyentuh cerek panas. Apakah proses yang terlibat?


- A Penyahinjaan
- B Perkumuhan
- C Pernafasan
- D Bergerak balas terhadap rangsangan

4. Mengapakah haiwan perlu melindungi diri daripada bahaya dan musuh?


- A Haiwan tidak boleh membuat makanannya sendiri.
- B Tubuh haiwan adalah lemah.
- C Haiwan tidak dapat bersaing dengan musuh untuk mendapatkan makanan.
- D Haiwan perlu memastikan kelangsungan hidup untuk elakkan daripada pupus.

5. Haiwan yang manakah berpura-pura mati untuk melindungi dirinya daripada musuh?


A




C




B



D



6. Apakah yang akan berlaku jika manusia tidak membiak?
- A Manusia akan menjadi tidak sihat
 - B Manusia akan menjadi lemah
 - C Manusia akan menjadi pupus
 - D Manusia akan membesar dengan lebih besar
7. Apakah yang berlaku jika manusia tidak mendapat makanan dalam jangka masa yang lama?
- A Manusia tidak dapat bernafas
 - B Manusia tidak dapat mengekalkan suhu badan
 - C Manusia akan mati
 - D Tumbesaran manusia semakin meningkat
8. Rajah 2 menunjukkan satu peringkat dalam kitaran hidup seekor katak.



Rajah 2

Apakah yang berlaku selepas peringkat ini?

- A Berudu mati
- B Berudu mengecil
- C Berudu menjadi telur
- D Berudu menjadi katak

9. Antara pernyataan berikut, yang manakah benar tentang tindak balas tumbuhan terhadap rangsangan tertentu?

- A Akar sentiasa bertumbuh ke tanah yang kering
- B Pucuk tidak bertindak balas terhadap cahaya matahari dan sentiasa tumbuh tegak ke atas
- C Akar bertumbuh ke dalam tanah manakala pucuk bertumbuh ke atas
- D Tiada tumbuhan bergerak balas terhadap rangsangan sentuhan

10. Maklumat berikut menerangkan tentang salasilah keluarga Mei Mei.

- Mei Mei mempunyai seorang adik lelaki bernama Fang Yin.
- Datuk dan nenek Mei Mei bernama Ah Po dan Li Hua.
- Kuan Yin dan Li Ming adalah bapa dan ibu Mei Mei


Berdasarkan maklumat di atas, siapakah generasi kedua dalam keluarga Mei Mei?

- A Ah Po dan Li Hua
- B Kuan Yin dan Li Ming
- C Fang Yin dan Mei Mei
- D Li Ming dan Li Hua

11. Antara berikut, yang manakah tidak benar tentang pembiakan haiwan?

- A Haiwan membiak untuk mengekalkan spesiesnya
- B Haiwan membiak untuk menambahkan bilangan spesiesnya
- C Haiwan membiak dengan cara melahirkan anak atau bertelur
- D Keseimbangan semula jadi tidak dapat dikekalkan jika haiwan membiak

12. Puan Lee telah meletakkan sepohon pokok di dalam biliknya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.



Rajah 3


Apakah yang sepatutnya dilakukan supaya pokok itu tumbuh tegak?

- A Berikan lebih baja
- B Berikan lebih air
- C Letakkan pokok itu di luar rumah
- D Letakkan pokok itu di dalam almari

13. Mengapakah seseorang yang mabuk tidak dibenarkan memandu kenderaan?

- A Kerana dia sangat lemah
- B Kerana dia tidak dapat melihat dengan jelas
- C Kerana dia tidak dapat memberikan gerak balas dengan pantas
- D Kerana dia tidak dapat bercakap

14. Rajah 4 menunjukkan satu penyiasatan yang dijalankan di makmal. Didapati ikan di dalam bikar A mati manakala ikan di dalam bikar B masih hidup selepas dua hari.



Rajah 4

Mengapakah ikan di dalam bikar A mati?

- A Ikan tidak mendapat cahaya matahari
- B Ikan tidak mendapat makanan
- C Ikan tidak mendapat udara
- D Ikan tidak mendapat air

15. Antara unit pengukuran panjang berikut, yang manakah merupakan unit yang paling kecil?

- A Kilometer
- B Meter
- C Centimeter
- D Millimeter


16. Maklumat yang berikut menunjukkan langkah-langkah mengambil bacaan neraca mampatan.

- P – Kedudukan mata adalah selaras dengan jarum neraca
- Q – Objek diletakkan diatas neraca dengan berhati-hati
- R – Bacaan pada neraca dipastikan sifar
- S – Bacaan jisim objek diambil

Antara berikut, yang manakah merupakan urutan yang betul?

- A $P \rightarrow Q \rightarrow R \rightarrow S$
- B $R \rightarrow Q \rightarrow P \rightarrow S$
- C $S \rightarrow Q \rightarrow P \rightarrow R$
- D $Q \rightarrow R \rightarrow P \rightarrow S$

17. Rajah 5 menunjukkan sebuah kotak kosong.




Rajah 5

Berapa banyakkah kubus yang mempunyai sisi 2 cm X 2 cm X 2 cm dapat mengisi kotak tersebut?

- | | |
|---------|---------|
| A 6 | C 24 |
| B 12 | D 96 |

18. Rajah 6 menunjukkan satu penyiasatan yang dijalankan oleh seorang murid.




Rajah 6

Apakah yang akan berlaku jika batu itu dimasukkan ke dalam bikar itu?

- A Saiz batu itu bertambah
- B Suhu air meningkat
- C Isipadu batu itu bertambah
- D Aras air di dalam bikar itu meningkat

19. Rajah 7 menunjukkan silinder penyukat yang berisi 46 cm^3 air.




Rajah 7

Berapakah bilangan kubus yang bersaiz $1 \text{ cm} \times 1 \text{ cm} \times 1 \text{ cm}$ yang mesti dimasukkan ke dalam silinder penyukat itu supaya air meningkat menjadi 50 cm^3 .

- | | | | |
|---|---|---|----|
| A | 2 | C | 5 |
| B | 4 | D | 10 |

20. Rajah 8 menunjukkan empat segi empat tepat yang mempunyai panjang dan lebar yang berlainan.



Rajah 8

Antara berikut, yang manakah mempunyai luas yang sama?

- A P dan Q
- B Q dan R
- C R dan S
- D P dan S